



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

BAHANA MAKAN SUAP

Tarikh Dibaca:

**20 RABIULAWAL 1445H /
6 OKTOBER 2023**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْ بَدَأَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BAHANA MAKAN SUAP

6 OKTOBER 2023 / 20 RABIULAWAL 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ

النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾ (البقرة)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Pada hari ini, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk: **“Bahana Makan Suap”**.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu

sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkar. Khatib juga ingin berpesan kepada seluruh umat Islam, agar sentiasa berhati-hati dengan setiap pertuturan dan tindakan yang boleh menjerumuskan diri sendiri dan orang lain ke lembah dosa, kekufuran dan kefasiqan. Ingatlah firman Allah SWT dalam Surah al-Israa' ayat 36:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ﴿٣٦﴾

Maksudnya: “Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Jenayah rasuah adalah suatu perbuatan yang telah membarah menyelinap dalam sistem kehidupan masyarakat kita pada hari ini. Dewasa ini, tohmahan yang dilemparkan sama ada realiti atau persepsinya, isu-isu rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dikaitkan dengan politik, sektor perkhidmatan awam, sektor ekonomi, perdagangan, keselamatan dan sebagainya yang meliputi kesalahan memberi, menawar, menerima suapan, tuntutan palsu, penipuan transaksi dan dokumen untuk kepentingan individu, keluarga dan golongan-golongan tertentu. Inilah bentuk-bentuk kesalahan yang jelas merupakan pengkhianatan terhadap amanah yang diberikan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesungguhnya perbuatan rasuah adalah haram di sisi Islam, berdosa besar serta dimurkai oleh Allah SWT. Hal ini sebagaimana dijelaskan melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 188 yang menjadi mukadimah khutbah tadi yang bermaksud:

“Janganlah kamu memakan harta antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu menghulur suapan kepada hakim-hakim (penguasa-penguasa) dengan niat untuk mendapatkan sebahagian daripada harta orang lain dengan jalan dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”.

Manakala disebut dalam sepotong hadis yang mengingatkan kita tentang haramnya perbuatan rasuah. Diriwayatkan daripada Abdullah bin ‘Amru r.anhuma:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ وَالْمُرْتَشِيَّ.

Maksudnya: “Rasulullah SAW melaknat pemberi dan penerima rasuah”. (Hadis riwayat Abu Daud dan al-Tirmidzi)

Menurut Dr. Yusuf al-Qaradhawi dalam Kitab *al-Halal wal-Haram fil-Islam*, beliau menyatakan: “Termasuk memakan harta orang lain dengan cara yang batil ialah menerima rasuah (suapan), iaitu wang diberikan kepada penguasa atau pegawai, supaya penguasa atau pegawai tersebut menjatuhkan hukuman yang menguntungkannya, atau hukuman yang merugikan lawannya menurut kemahuannya, atau supaya didahulukan urusannya atau ditunda kerana ada sesuatu kepentingan dan sebagainya”.

Manusia yang sanggup melakukan jenayah rasuah, mereka ini tidak takut akan ancaman dan laknat Allah dan Rasul-Nya kerana mereka ini hanya mementingkan diri sendiri, bersifat rakus, tamak, sanggup mendapatkan sesuatu yang bukan hak mereka sehingga menggadai maruah diri demi memenuhi nafsu mengumpul kekayaan dengan jalan yang salah dan melakukan penganiayaan. Golongan ini sebenarnya telah berlaku zalim terhadap diri sendiri dan orang lain serta mengkhianati amanah yang dipertanggungjawabkan atas bahu-bahu mereka.

Rezeki yang diperolehi daripada sumber haram diberikan pula kepada anak, isteri dan ahli keluarga, maka bagaimanakah hendak melahirkan zuriat yang soleh dan solehah, keluarga yang ada mawaddah dan sakinah? Lebih malang lagi, hilangnya keberkatan dalam rezeki yang diperolehi. Ingatlah peringatan dari Baginda SAW dalam hadis :

كُلُّ جَسَدٍ نَبَتَ مِنْ سُحْتٍ فَالنَّارُ أَوْلَىٰ بِهِ

Maksudnya: “Setiap daging yang tumbuh dari sumber yang haram, maka nerakalah lebih layak untuknya”. (Hadis riwayat Imam al-Baihaqi)

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Perbuatan rasuah merupakan satu bentuk pengkhianatan terhadap amanah yang dipertanggungjawabkan. Terdapat tiga kesan buruk yang sangat besar akibat jenayah rasuah yang berlaku, iaitu:

1. Pelaku rasuah (pemberi, penerima atau orang tengah yang menjadi perantara) telah melakukan satu bentuk kezaliman. Hal ini berlaku apabila suapan (rasuah) kepada pihak yang menerima telah mengubah suatu keputusan yang memihak kepada dirinya, dalam masa yang sama menafikan hak orang lain.
2. Orang yang dinafikan haknya iaitu orang yang dizalimi ini, bahawa doa mereka didengari dan dikabulkan oleh Allah SWT. Maka awas dan beringatlah, bahawa lambat laun, mereka yang melakukan jenayah rasuah ini tidak akan terlepas daripada balasan atas perbuatan keji mereka. Jika terlepas di dunia, jangan ingat akan terlepas di akhirat.
3. Perbuatan atau perlakuan jenayah rasuah yang berleluasa dalam kalangan masyarakat kita akan memberi impak negatif yang sangat dahsyat sekiranya tidak dibendung. Ia boleh menyebabkan keadaan politik yang tidak stabil, ekonomi yang tidak terurus, tata kelola yang tidak teratur, mengancam keselamatan negara, penyalahgunaan kuasa berleluasa, kekayaan dikuasai oleh golongan-golongan tertentu, yang kaya terus kaya, yang miskin terus miskin ditindas tidak ada pembelaan, maka natijahnya sesebuah negara itu bakal runtuh dan timbul huru-hara akibat jenayah rasuah yang mencengkam umpama api dalam sekam, atau seperti gunting dalam lipatan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Umum mengetahui, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan agensi yang berperanan dan bertanggungjawab menangani isu-isu rasuah di negara kita. Dalam usaha SPRM memerangi jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan, agensi ini juga memerlukan sokongan dari agensi-agensi kerajaan yang lain, termasuk sektor swasta, korporat, golongan profesional serta pelbagai lapisan masyarakat umumnya, agar berganding bahu bersama-sama SPRM dalam kerangka memerangi jenayah rasuah dan berusaha bersungguh-sungguh menjadikan Malaysia sebagai negara yang bebas rasuah.

Justeru, bersempena ulang tahun ke-56 penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), khatib menyeru semua pihak agar sama-sama berusaha memerangi jenayah rasuah dalam negara kita secara serius demi memperkasa urus tadbir dan tata kelola terbaik dalam perkhidmatan kerajaan, agensi-agensi badan berkanun, badan

swasta dan pelbagai lapisan masyarakat umumnya. Inilah yang dikehendaki dan selaras dengan tuntutan syara', juga mendokong hasrat kerajaan dalam usaha meningkatkan integriti serta kualiti penyampaian perkhidmatan dan saya ingin membuat beberapa rumusan dari khutbah hari ini;

Pertama: Allah dan Rasul-Nya melaknat pelaku rasuah yang terdiri daripada pemberi, penerima dan perantara perbuatan tersebut.

Kedua: Orang yang melakukan perbuatan rasuah tidak mempunyai harga diri kerana sanggup menggadai maruah demi kepentingan peribadi, dan menafikan hak orang lain.

Ketiga: Rakyat dan Negara bukan sahaja mengalami kerugian wang ringgit, bahkan dipandang hina di mata dunia akibat kerakusan penjenayah perasuah.

Keempat: Akibat rasuah juga, ia menghancurkan keadilan dalam sesebuah negara, melahirkan masyarakat yang tiada kemahiran, hasil kerja yang tidak berkualiti, kos pengurusan yang meningkat, tata kelola dan tadbir urus yang lemah dan tidak cekap, pembahagian kekayaan yang tidak seimbang dan sebagainya.

Kelima: Ingatlah bahawa setiap daging yang tumbuh dari sumber yang haram, termasuk rasuah, nerakalah tempatnya.

Firman Allah SWT dalam Surah ali Imran ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ
ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Maksudnya: "Kamu (umat Islam) adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, (kerana kamu) menyuruh (berbuat) yang makruf, dan mencegah daripada yang mungkar, dan kamu beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli Kitab kepada Allah, tentulah itu lebih baik bagi mereka. Antara mereka ada yang beriman, namun kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasiq".

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ،
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهُ الْعَظِيْمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفْوَرُ الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهِمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكَيْنْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكَيْنْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَندَرِيْهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ إِسْكَندَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُنْكَرَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, wabak penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.